



Permodalan Nasional Berhad
(1821-B-3)



Amanah Saham Nasional Berhad
(4745-W)
Anak syarikat milik penuh PNB



LAPORAN TAHUNAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2011

MENJANA PERTUMBUHAN MODAL
DALAM JANGKA SEDERHANA HINGGA
JANGKA PANJANG MENERUSI
PELABURAN DALAM PORTFOLIO
YANG SEIMBANG DAN MELALUI
PELABURAN SEMULA PENGAGIHAN
PENDAPATAN, JIKA ADA



ASN 3



ISI KANDUNGAN

NO	TAJUK	MUKA SURAT
I.	Maklumat Tabung	3
II.	Prestasi Tabung	4
III.	Laporan Pengurus	6
IV.	Penyata Pengurus	13
V.	Penyataan Pemegang Amanah	14
VI.	Laporan Juruaudit	15
VII.	Penyata Kewangan	
	A. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	17
	B. Penyata Pendapatan Komprehensif	18
	C. Penyata Kedudukan Kewangan	19
	D. Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	20
	E. Penyata Aliran Tunai	21
	F. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	22
VIII.	Maklumat Korporat	48

LAPORAN PENGURUS AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG (ASN 3)

Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) yang dihormati, AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN 3, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN 3 bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2011.

I. MAKLUMAT TABUNG

a) Kategori dan Jenis Tabung

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Amanah Saham Nasional 3 Imbang	Ekuiti dan lain-lain instrumen pasaran modal	Imbang

b) Objektif Pelaburan Tabung

Objektif pelaburan ASN 3 adalah untuk menjana pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang menerusi pelaburan di dalam portfolio yang seimbang dan melalui pelaburan semula pengagihan pendapatan, sekiranya ada.

c) Penanda Aras Tabung

ASN 3 menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-bulan (KLIBOR 3-bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai ¹	%
FBM 100(%) ²	50
KLIBOR 3-bulan	50

Nota:

- Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai yang berkuatkuasa pada 31 Mac, 2008.*
- Penanda Aras menggantikan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) yang berkuatkuasa pada 31 Julai 2009.*

d) Polisi Pengagihan Pendapatan Tabung

ASN 3 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

I. MAKLUMAT TABUNG (SAMB.)

e) Pegangan Unit

Pada 30 November 2011, seramai 11,500 individu telah menyertai ASN 3. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:

Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Bilangan Unit Dilangan
5,000 ke bawah	7,561	9,006,640
5,001 - 10,000	1,463	10,539,019
10,001 - 50,000	1,959	41,623,789
50,001 - 500,000	508	53,729,257
500,001 ke atas	9	9,934,387
Jumlah	11,500	124,833,092

II. PRESTASI TABUNG

a) Perumpukan Aset

Perumpukan aset bagi ASN 3 adalah seperti berikut:

Komponen Aset Dalam Portfolio	Bagi Tahun Kewangan Berakhir		
	30.11.2011 %	30.11.2010 %	30.11.2009 %
Pelaburan di Pasaran Ekuiti	55.51	49.67	58.39
Pelaburan di Pasaran Modal:			
(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga	6.85	6.51	8.00
(ii) Lain-lain instrumen Pasaran Modal dan Aset Bersih	37.64	43.82	33.61
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Perumpukan Aset Mengikut Sektor Berdasarkan Nilai Pasaran

Sektor	(RM'000)		
	30.11.2011	30.11.2010	30.11.2009
Perkhidmatan/ Perdagangan	27,980	28,016	32,358
Kewangan	20,917	19,621	15,201
Barangan Industri	5,178	1,448	1,726
Perladangan	4,747	5,404	6,388
Infrastruktur	3,598	4,335	5,727
Pembinaan	3,467	1,414	3,080
Barangan Pengguna	2,682	1,796	8,447
Hartanah	2,278	1,997	1,310
Lain-lain	2,445	1,133	40
Pelaburan di Pasaran Ekuiti	73,292	65,164	74,277

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

a) Perumpukan Aset (Samb.)

Perumpukan Aset Mengikut Sektor Berdasarkan Nilai Pasaran (samb.)

Sektor	(RM'000)		
	30.11.2011	30.11.2010	30.11.2009
<u>Lain-lain Instrumen Pasaran Modal dan Aset Bersih</u>			
i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga	9,038	8,542	10,176
(ii) Lain-lain Aset	49,703	57,464	42,762
Lain-lain Instrumen Pasaran Modal dan Aset Bersih	58,741	66,006	52,938
JUMLAH	132,033	131,170	127,215

b) Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun

	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 November		
	2011	2010	2009
Sebelum Pengagihan Pendapatan			
- NAB (RM'000)	139,558	138,466	134,135
- NAB seunit (RM)	1.1128	1.1386	1.0662
Selepas Pengagihan Pendapatan			
- NAB (RM'000)	132,033	131,170	127,215
- NAB seunit (RM)	1.0528	1.0786	1.0112
- NAB seunit terendah (RM)	1.0522	1.0062	0.8598
- NAB seunit tertinggi (RM)	1.1510	1.1426	1.0729
- Unit Dalam Edaran ('000)	125,410	121,610	125,810
- Kadar Pengagihan (sen seunit)	6.00	6.00	5.50
- Tarikh pengagihan pendapatan	1 Disember	1 Disember	1 Disember
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	1.13	1.13	1.12
Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.49	0.27	0.45
Pulangan:			
- Pulangan Pendapatan (%) (Yield) ³	5.70	5.56	5.44
- Pulangan Modal (%) ⁴	(2.39)	6.67	15.67
- Jumlah Pulangan (%) ⁵	3.17	12.60	21.96

Nota:

- 1) Nisbah Perbelanjaan Pengurusan adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN 3 dengan purata NAB ASN 3 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.
- 2) Pusing Ganti Portfolio adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB ASN 3 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

b) Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun (Samb.)

Nota: (samb.)

$$(3) \text{ Pulangan Pendapatan (Yield) : } \left[\frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Akhir Tahun}} \right] \times 100$$

$$4) \text{ Pulangan Modal : } \left[\left\{ \frac{\text{(NAB Seunit Akhir Tahun)}}{\text{(NAB Seunit Awal Tahun)}} \right\} - 1 \right] \times 100$$

$$5) \text{ Jumlah Pulangan : } \left[\left\{ \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} + 1 \right\} \times \frac{\text{Pengagihan Pendapatan}}{100} + 1 \right] - 1 \times 100$$

c) Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan bagi ASN 3 adalah seperti berikut:

	Pada 30 November 2011		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	3.17	12.32	7.08
Penanda Aras (%)	2.00	11.86	5.48

Nota:

1. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-

$$\left[(1 + r_1) (1 + r_2) \dots (1 + r_n) \right]^{1/n} - 1 \times 100$$

r = pulangan tahunan

n = bilangan tahunan

III. LAPORAN PENGURUS

a) Prestasi Tabung ASN 3

ASN 3 telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pengagihan pendapatan dan kenaikan modal yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2011.

b) Perbandingan Prestasi Komponen Aset Dalam Portfolio Tabung ASN 3 Dengan Penanda Aras

Prestasi pulangan bagi ASN 3 berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 30 November				
	2011	2010	2009	2008	2007
Jumlah Pulangan (%)	3.17	12.60	21.96	(17.96)	21.10
Penanda Aras (%)	2.00	11.19	23.43	(19.92)	16.48

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar dan harga unit, mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

c) Analisis Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung

Jumlah NAB bagi ASN 3 telah menokok sedikit sebanyak 0.66% dari RM131.17 juta kepada RM132.03 juta bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30 November, 2011. Walau bagaimanapun, NAB seunit telah menurun sebanyak 2.39% kepada RM1.0528 selepas pengagihan pendapatan sebanyak 6.0 sen seunit daripada RM1.0786 seperti yang telah dicatatkan pada 30 November, 2010.

d) Polisi Pelaburan

Polisi pelaburan ASN 3 ialah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan terdiri daripada ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang, tabung pelaburan kolektif serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk di dalam surat ikatan ASN 3. ASN 3 boleh melabur sehingga 75% dari Nilai Aset Bersih (NAB) tabung dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal, atau sebaliknya, mengikut kesesuaian keadaan pasaran.

Tabung ASN 3 juga turut melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap yang diberi penarafan sekurang-kurangnya “BBB” oleh Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) atau penarafan yang setaraf dengannya yang diberikan oleh agensi penarafan lain di Malaysia.

e) Strategi Pelaburan

Tabung ASN 3 Imbang (ASN 3) bagi tempoh tahun kewangan berakhir 30 November 2011 secara puratanya telah melaksanakan strategi pelaburan yang agak seimbang di antara ekuiti dengan pelaburan di dalam bon atau instrumen berpendapatan tetap. Pengagihan aset tersebut telah mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

Pada separuh tahun pertama 2011, fokus pelaburan ASN 3 adalah di dalam ekuiti yang dijangka akan menjana pulangan dividen dan keuntungan modal yang menarik. Ini berdasarkan keadaan ekonomi dan pasaran modal semasa serantau dan domestik yang menunjukkan peningkatan disebabkan kecairan pasaran yang tinggi. Kecairan pasaran ini ekoran aliran masuk wang pelaburan asing yang ketara dalam ekonomi serantau, didorong oleh proses pemulihan ekonomi negara-negara membangun yang menunjukkan perkembangan lebih pesat berbanding negara-negara maju disebabkan krisis hutang di Eropah dan Amerika Syarikat. Selain itu, sektor-sektor perlombongan dan perkilangan domestik dan serantau mendapat faedah berikutan kenaikan harga tenaga dan komoditi akibat ketidakstabilan politik di negara-negara Timur Tengah dan Utara Afrika serta gangguan bekalan ekoran bencana alam yang melanda Jepun. Dalam ekonomi dalam negeri pula, pelaburan swasta kekal kukuh berikutan inisiatif fiskal kerajaan melalui Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP) menjana persekitaran pelaburan yang lebih baik bagi pelabur. Prestasi eksport juga bertambah baik dengan sokongan permintaan serantau yang dijangka akan terus menyokong ekonomi negara serta secara keseluruhannya, menghadkan kesan faktor-faktor risiko ekonomi luar.

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

e) Strategi Pelaburan (Samb.)

Walau bagaimanapun, bagi separuh tahun kedua, strategi pelaburan ASN 3 bertukar defensif dengan mengurangkan perumpukan aset di dalam ekuiti berisiko tinggi dan beralih kepada ekuiti berasaskan pulangan dividen yang tinggi serta meningkatkan pelaburan lain seperti bon atau instrumen berpendapatan tetap ekoran faktor risiko ekonomi luar negara yang semakin ketara dan berpotensi untuk memberi impak negatif ke atas ekonomi dan pasaran modal domestik. Isu-isu ekonomi terus melanda negara maju berikutan krisis hutang yang dialami telah memperlihatkan kelemahan sektor kewangan dan sewajarnya, membataskan perlaksanaan dasar fiskal serta monetari efektif. Tambahan pula, struktur semasa Kesatuan Eropah yang lemah menyukarkan proses bagi menanganai krisis hutang kerajaan dan seterusnya, menyumbang kepada ketidakpastian di dalam prospek pertumbuhan ekonomi global serta menjejaskan sentimen pasaran saham global. Pada masa yang sama, China melaksanakan dasar monetari konservatif dengan menaikkan kadar faedah pinjaman sebanyak tiga kali dan nisbah rizab keperluan bank sebanyak enam kali pada tahun ini kepada 6.56% dan 21.5% bagi membendung tekanan inflasi dan ini secara tidak langsung, memperlahankan prospek pertumbuhan ekonomi tersebut.

Sejajar dengan itu, negara-negara membangun juga meningkatkan kadar faedah masing-masing daripada paras rendah bagi membendung risiko pertumbuhan ekonomi global lebih rendah daripada jangkaan dan kenaikan kadar inflasi yang disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan bahan api. Bank Negara Malaysia (BNM) telah menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 0.25% kepada 3.00% pada 5 Mei 2011 dan dikekalkan pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) 8 September 2011. Keputusan yang dibuat BNM adalah berikutan peningkatan risiko pertumbuhan ekonomi global dan domestik serta bagi membendung inflasi tetapi pada masa yang sama, kekal pada tahap yang mampu menyokong pertumbuhan ekonomi negara (Sumber : BNM).

Prospek ekonomi yang dijangka lebih sederhana ini juga telah menyebabkan aliran keluar sebahagian wang pelaburan asing daripada pasaran saham negara-negara membangun dan kembali kepada instrumen pelaburan kerajaan Amerika Syarikat, Jepun dan Switzerland, yang dianggap lebih selamat dan mempunyai kecairan yang tinggi. Sebagai dana imbang, objektif pelaburan Tabung ASN 3 ialah untuk menjana pertumbuhan modal dalam jangkamasa panjang melalui perumpukan pelaburan imbang dan pelaburan semula, jika ada. Dengan itu, perumpukan pelaburan Tabung ASN 3 di dalam ekuiti telah memberi penekanan pelaburan saham kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek pulangan dividen yang lebih tinggi dan konsisten seperti REIT dan telekomunikasi semasa persekitaran ekonomi yang mencabar. Pada masa yang sama, pelaburan di dalam sektor-sektor yang mempunyai potensi untuk memberi pulangan yang lebih baik daripada penanda aras atau diniagakan di bawah harga wajar berdasarkan prospek ekonomi, prestasi syarikat yang terlibat dan juga tema pelaburan semasa seperti sektor kewangan, gas dan minyak, pembinaan serta utiliti pula akan menyumbang kepada keuntungan dari penjualan saham.

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

e) Strategi Pelaburan (Samb.)


Bagi pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap pula, pemilihan instrumen yang bermutu mampu mempelbagaikan pelaburan dan pada masa yang sama mengurangkan risiko portfolio. Antara faktor-faktor yang diambil kira adalah seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung.

f) Ulasan Pasaran

Tinjauan Pasaran Modal

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 30 November 2011, penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan kemerosotan sebanyak 13.13 mata atau -0.88% untuk ditutup pada 1,472.10 mata berbanding 1,485.23 mata yang dicatatkan pada 30 November 2010.

Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatat paras tertinggi 1,594.74 mata pada 8 Julai 2011, manakala paras terendah 1,331.80 mata dicatatkan pada 26 September 2011.



* Untuk tahun kewangan berakhir 30 November 2011 [Sumber: Bloomberg]

Secara amnya, prestasi pasaran modal bermula dengan positif, didorong oleh prospek pemulihan ekonomi dan pasaran kewangan dunia berikutan krisis kewangan global pada tahun 2008. Terutamanya pasaran modal di negara-negara membangun menunjukkan perkembangan lebih pesat berbanding negara-negara maju disokong pemulihan ekonomi yang baik serta kecairan pasaran yang tinggi ekoran perubahan aliran masuk wang pelaburan asing yang ketara. Faktor-faktor ini juga konsisten dengan keadaan ekonomi Malaysia, dimana ia telah mencatatkan pertumbuhan KDNK yang menggalakkan pada suku ketiga 2011 sebanyak 5.8%, setelah mencatatkan pertumbuhan 4.6% pada suku pertama dan 4.3% pada suku kedua. Pertumbuhan ini dipacu oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, disokong oleh perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi dan peningkatan berterusan perbelanjaan isi rumah dan pelaburan swasta. Prestasi sektor-sektor ekonomi utama terus berkembang dengan sektor perkilangan mencatat prestasi yang nyata lebih baik disokong oleh permintaan serantau yang mantap serta pemulihan daripada gangguan rantaian bekalan berikutan bencana alam dialami Jepun pada 11 Mac 2011.

f) Ulasan Pasaran (Samb.)

Tinjauan Pasaran Modal (Samb.)

Dalam perbentangan Bajet 2012 pada 7 Oktober 2011, kerajaan telah mengujurkan KDNK negara sebanyak 5.0 hingga 5.5% pada 2011. Begitu juga dengan perkembangan pasaran modal domestik yang aktif dengan penyenaian kaunter-kaunter saham baru di Bursa Malaysia seperti MSM Malaysia Holdings Berhad dan Bumi Armada Berhad serta pengumuman ETP yang pada keseluruhannya menjadi pemangkin pertumbuhan sektor gas dan minyak, pembinaan dan hartanah, telah menarik minat pelabur. ETP yang diumumkan oleh kerajaan dijangka mampu mendorong Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai dan membina status sebagai negara berpendapatan tinggi. Setakat 10 November 2011, ETP telah mencatatkan pelaburan sebanyak RM177.03 bilion dan ini dijangka akan terus mengekalkan Malaysia dalam trajektori pembangunan pada masa akan datang (Sumber : PEMANDU).

Walau bagaimanapun, pada separuh tahun kedua 2011, pertumbuhan ekonomi global menghadapi persekitaran yang lebih mencabar dan tidak menentu, disebabkan oleh masalah bebanan hutang yang tinggi yang terus mengancam pertumbuhan ekonomi Kesatuan Eropah. Selain itu, ketidakstabilan politik di negara-negara Timur Tengah dan Utara Afrika serta kejadian bencana alam yang berlaku pada awal tahun juga melemahkan proses pemulihan ekonomi. Selain itu, kelemahan sektor kewangan, keadaan fiskal yang masih tidak memuaskan dan pasaran pekerja yang lemah dalam ekonomi maju telah memberikan risiko terhadap pertumbuhan ekonomi negara-negara membangun dan menjadi punca perdagangan luar sederhana dan tekanan kadar inflasi meningkat.

Meskipun ekonomi Malaysia mencatat perkembangan lebih baik pada suku ketiga 2011, kadar inflasi keseluruhan juga meningkat kepada 3.4% dan ini adalah lebih tinggi berbanding 3.3% yang dicatat pada suku kedua 2011 dan kadar tahunan 1.9% pada suku ketiga 2010. Kenaikan harga pengguna ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga makanan berikutan gangguan bekalan. Selaras dengan faktor-faktor negatif tersebut, perkembangan pasaran saham global dan negara-negara serantau juga menjadi semakin lemah dengan aliran keluar wang pelaburan didalam ekuiti dan kembali kepada instrumen pelaburan yang dianggap lebih selamat seperti sekuriti berpendapatan tetap serta instrumen kerajaan Amerika Syarikat, Jepun dan Switzerland. Oleh kerana permintaan untuk sekuriti berpendapatan tetap meningkat telah menyebabkan kadar faedah sekuriti jatuh kepada paras yang lebih rendah.

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal

Pada keseluruhannya, prospek ekonomi global dijangka akan lebih mencabar dan semakin tidak menentu pada tahun kewangan 2012. Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) telah menetapkan pertumbuhan ekonomi dunia kepada 4.0% bagi tahun 2012, unjuran pertumbuhan yang mendatar berbanding tahun 2011. Ini berikutan ekonomi utama seperti Amerika Syarikat (1.8%), Kesatuan Eropah (1.1%), China

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

f) Ulasan Pasaran (Samb.)

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal (Samb.)

(9.0%) dan India (7.5%) dijangka mengalami pertumbuhan yang lebih lembap akibat krisis hutang berterusan di negara Eropah, risiko perdagangan dunia yang lebih sederhana serta kenaikan kadar inflasi (Sumber : Tabung Kewangan Antarabangsa, September 2011). Tambahan pula, kebimbangan terhadap kedudukan fiskal dalam ekonomi maju menambahkan lagi tekanan ke atas sistem kewangan antarabangsa dan berkemungkinan besar akan memberi impak secara langsung ke atas perkembangan ekonomi Malaysia dan serantau.

Justeru itu, pasaran modal tempatan juga dijangka akan terjejas akibat sentimen negatif ekonomi luar. Selain itu, kadar inflasi global dan domestik dijangka akan kekal pada tahap yang tinggi, disebabkan terutamanya oleh harga makanan yang semakin meningkat. Ini adalah kerana masalah cuaca yang tidak menentu telah sedikit sebanyak membataskan bekalan makanan global.

Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan pasaran saham tempatan secara relatif, dijangka stabil kerana perbandingan faktor ekonomi Malaysia yang defensif akan membantu sentimen pelabur dan dijadikan asas bagi aliran masuk wang pelaburan asing. Ini adalah kerana sebahagian besar pertumbuhan ekonomi domestik bergantung kepada sektor perkhidmatan, yang disokong terutamanya oleh aktiviti berasaskan dalam negeri dan serantau.

Aktiviti-aktiviti domestik seperti perbelanjaan isi rumah, pelaksanaan ETP untuk menggalakkan penggunaan dan pelaburan swasta serta inisiatif pembaruan kerajaan akan secara tidak langsung membantu pertumbuhan yang mampan sektor-sektor kewangan, pembinaan serta gas dan minyak dalam negeri bagi mengimbangi sentimensentimen negatif dari luar negeri. Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada 5.0 hingga 6.0% bagi tahun 2012 berbanding jangkaan 5.0-5.5% pada tahun 2011 (Sumber : Bank Negara Malaysia).

Namun demikian, risiko utama ke atas prospek ekonomi negara tidak mencapai sasaran terletak pada keadaan ekonomi luaran yang lebih teruk berbanding jangkaan serta penangguhan pelaksanaan aktiviti-aktiviti ETP. Berdasarkan perkembangan ini, pihak pengurusan ASN 3 akan terus mengimbangi strategi perumpukan dan pemilihan aset dari semasa ke semasa, seiring dengan risiko yang diambil.

g) Pengagihan Pendapatan

Bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2011, ASN 3 telah memperuntukkan sejumlah RM7.52 juta iaitu bersamaan dengan 6.00 sen seunit untuk pembayaran pengagihan pendapatan, dengan pengagihan pendapatan ini, NAB sebelum pengagihan pendapatan ialah RM1.1128 dan selepas pengagihan pendapatan ialah RM1.0528.

ASN 3 telah memperolehi sumber pendapatan dari dividen kasar dari syarikat-syarikat pelaburan, keuntungan bersih ternyata dari jualan pelaburan dan pendapatan dari lain-lain instrumen pasaran modal.

III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

g) Pengagihan Pendapatan (Samb.)

Sektor	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 November		
	2011	2010	2009
	(RM juta)		
Dividen kasar saham disebutharga	3.03	3.06	2.19
Keuntungan bersih ternyata daripada jualan pelaburan	4.48	3.65	3.91
Lain-lain Pendapatan	2.25	1.90	1.91
Jumlah Pendapatan	9.76	8.61	8.01

h) Perubahan Yang Ketara Terhadap Kedudukan Tabung Dalam Tempoh Kewangan

Tiada perubahan ketara bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2011.

i) Situasi Yang Boleh Menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit

ASNB dan ASN 3 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

j) Komisyen Ringan

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urus niaga berhubung dengan urus niaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit
AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG (“Unit Amanah”), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2011, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 November 2011, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 9 Januari 2012.

**TUN AHMAD SARJI BIN
ABDUL HAMID**
Pengerusi

**TAN SRI DATO’ SRI HAMAD KAMA PIAH
BIN CHE OTHMAN**
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

**AMANAHAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG
PENYATAAN PEMEGANG AMANAHAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2011**

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
AMANAHAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAHAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2011. Pada pendapat kami, AMANAHAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus AMANAHAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAHAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2011.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit AMANAHAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG adalah mencukupi dan penilaian/penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- (b) penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAHAH SAHAM 3 IMBANG sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAHAH SAHAM 3 IMBANG.

Yang benar,
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

ZAINUDIN BIN SUHAIMI
Pengurus Besar

Kuala Lumpur, Malaysia
13 Januari 2012

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG- PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG (“Unit Amanah”)

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Saham Nasional 3 Imbang, yang mengandungi Penyata Posisi Kewangan pada 30 November 2011, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih Boleh Agih kepada Pemegang-pemegang Unit dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 17 hingga 41.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards - FRSs) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbahit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Unit Amanah, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG- PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG (“Unit Amanah”) (SAMB.)

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 November 2011 dan prestasi kewangannya, penyata perubahan dalam nilai aset bersih boleh agih kepada pemegang-pemegang unit serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Lain-lain perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, sebagai sebuah badan dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

Hanafiah Raslan & Mohamad

AF: 0002

Akauntan Bertauliah

Ahmad Zahirudin bin Abdul Rahim

No. 2607/12/12(J)

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

**AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2011**

	Nota	30.11.2011 RM	30.11.2010 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan faedah		2,256,941	1,907,876
Pendapatan dividen		3,025,583	3,058,624
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		4,475,639	3,646,406
		<u>9,758,163</u>	<u>8,612,906</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	4	1,388,700	1,352,400
Yuran pemegang amanah	5	111,144	108,191
Ganjaran juruaudit		16,500	16,500
Perbelanjaan pentadbiran		49,703	46,666
		<u>1,566,047</u>	<u>1,523,757</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		8,192,116	7,089,149
CUKAI	6	<u>-</u>	<u>-</u>
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>8,192,116</u>	<u>7,089,149</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut :			
Ternyata		8,192,116	7,089,149
Tidak ternyata		-	-
		<u>8,192,116</u>	<u>7,089,149</u>
Pengagihan pada tahun semasa	7	<u>7,524,600</u>	<u>7,296,600</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>6.00 sen</u>	<u>6.00 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 Disember 2011</u>	<u>1 Disember 2010</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2011**

	Nota	30.11.2011 RM	30.11.2010 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		8,192,116	7,089,149
Lain-lain pendapatan komprehensif (Pengurangan)/Peningkatan bersih dalam rizab pelaburan		(3,818,151)	8,929,828
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		<u>4,373,965</u>	<u>16,018,977</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
		8,192,116	7,089,149
Ternyata		-	-
Tidak ternyata		<u>8,192,116</u>	<u>7,089,149</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 30 NOVEMBER 2011**

	Nota	30.11.2011 RM	30.11.2010 RM	01.12.2009 RM
PELABURAN				
Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	8	3,507,792	8,541,610	10,175,500
Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum	9	5,530,000	5,448,500	5,247,000
Sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai	10	1,086,800	1,088,900	1,039,900
Pelaburan disebut harga	11	73,292,445	65,163,815	74,277,485
Instrumen pasaran kewangan	12	-	9,931,822	-
Deposit dengan institusi kewangan	13	54,595,473	46,293,017	42,755,195
Tuntutan cukai	6	724,611	1,154,073	947,396
Pendapatan belum diterima	14	874,723	870,555	400,493
Tunai di bank		5,000	5,001	5,000
JUMLAH ASET		<u>139,616,844</u>	<u>138,497,293</u>	<u>134,847,969</u>
LIABILITI				
Peruntukan pengagihan	7	7,524,600	7,296,600	6,919,550
Jumlah terhutang kepada broker saham		-	-	685,944
Pelbagai pemiutang		59,237	31,000	27,000
JUMLAH LIABILITI		<u>7,583,837</u>	<u>7,327,600</u>	<u>7,632,494</u>
EKUITI				
Modal pemegang unit		116,973,351	116,442,701	121,210,860
Rizab pelaburan tidak ternyata		5,956,925	9,775,076	5,159,367
Pendapatan belum diagihkan		9,102,731	4,951,916	845,248
JUMLAH EKUITI	15	<u>132,033,007</u>	<u>131,169,693</u>	<u>127,215,475</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>139,616,844</u>	<u>138,497,293</u>	<u>134,847,969</u>
UNIT DALAM EDARAN		<u>125,410,000</u>	<u>121,610,000</u>	<u>125,810,000</u>
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		<u>1.0528</u>	<u>1.0786</u>	<u>1.0112</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2011**

	Modal Pemegang Unit RM	Pendapatan Belum Diagihkan RM	Rizab Pelaburan Tidak Ternyata RM	Jumlah Ekuiti RM
Pada 1 Disember ber 2009	121,210,860	5,159,367	845,248	127,215,475
Penjadian unit untuk dijual	6,177,867	-	-	6,177,867
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (30 November 2009)	6,403,252	-	-	6,403,252
Pembatalan unit	(16,818,254)			(16,818,254)
Pergerakan dalam pengimbangan pengagihan	(531,024)	-	-	(531,024)
Pengagihan pada tahun semasa	-	(7,296,600)	-	(7,296,600)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	-	7,089,149	8,929,828	16,018,977
Pada 30 November 2010	<u>116,442,701</u>	<u>4,951,916</u>	<u>9,775,076</u>	<u>131,169,693</u>
Pada 1 Disember 2010	116,442,701	4,951,916	9,775,076	131,169,693
Penjadian unit untuk dijual	1,909,679	-	-	1,909,679
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (30 November 2010)	6,953,801	-	-	6,953,801
Pembatalan unit	(5,016,169)	-	-	(5,016,169)
Pergerakan dalam pengimbangan pengagihan	166,638	-	-	166,638
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	-	8,192,116	(3,818,151)	4,373,965
Pengagihan pada tahun semasa	(3,483,299)	(4,041,301)	-	(7,524,600)
Pada 30 November 2011	<u>116,973,351</u>	<u>9,102,731</u>	<u>5,956,925</u>	<u>132,033,007</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2011**

	30.11.2011 RM	30.11.2010 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	69,731,608	48,320,458
Pembelian pelaburan	(62,371,942)	(35,771,571)
Faedah diterima	2,310,987	1,867,640
Dividen bersih diterima	2,709,019	2,328,763
Yuran pengurusan dibayar	(1,388,700)	(1,352,400)
Yuran pemegang amanah dibayar	(111,144)	(108,191)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	<u>(37,974)</u>	<u>(59,166)</u>
Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	10,841,854	15,225,533
Cukai dikembalikan	743,252	-
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	<u>11,585,105</u>	<u>15,225,533</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	9,313,360	9,424,860
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(5,299,410)	(14,193,020)
Pengagihan kepada pemegang unit	<u>(7,296,600)</u>	<u>(6,919,550)</u>
Tunai bersih (digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	<u>(3,282,650)</u>	<u>(11,687,710)</u>
PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
	8,302,455	3,537,823
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH		
	<u>46,298,018</u>	<u>42,760,195</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		
	<u>54,600,473</u>	<u>46,298,018</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	5,000	5,001
Deposit dengan institusi kewangan (Nota 13)	54,595,473	46,293,017
	<u>54,600,473</u>	<u>46,298,018</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN

30 NOVEMBER 2011

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG (berikutnya dirujuk sebagai “Unit Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 24 September 2001, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam “Pelaburan Dibenarkan” seperti yang didefinisikan di bawah Klausula 1 Suratikatan. “Pelaburan Dibenarkan” termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 24 September 2001 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 24 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad (“PNB”). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah. PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hakmilik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah pada 30 Jun 2006. Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 9 Januari 2012.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar faedah dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektifjangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

Risiko Ekuiti/Pelaburan (Samb.)

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan yang teliti bagi prestasi syarikat-syarikat yang dilabur.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi. Sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

